



**KAIFIAT
SOLAT SUNAT GERHANA
BULAN DAN MATAHARI**

KAIFIAT SOLAT SUNAT GERHANA BULAN/MATAHARI

HUKUM SOLAT GERHANA

Sunat Muakkad (**مؤكدَة**)

CARA-CARA SOLAT

Dua (2) rakaat sembahyang seperti sembahyang sunat yang lain. Cuma bezanya sebagaimana yang masyhur ia mempunyai 2 kali ruku' dan 2 kali qiam di dalam satu rakaat. Ianya sunat ditunaikan secara berjemaah di Masjid/Surau serta disusuli dengan dua khutbah dan boleh juga secara bersendirian.

CARA-CARA PELAKSANAANNYA

Solat gerhana matahari dan bulan boleh dilakukan dengan 3 cara :
Bagi gerhana matahari, bacaan dalam solat dibaca dengan diperlahankan suara; adapun bagi gerhana bulan bacaan hendaklah dibaca dengan diangkat suara seperti mana-mana solat malam.

Cara Pertama Cara yang paling ringkas. Iaitu hendaklah ditunaikan dengan dua rakaat sebagaimana solat sunat zuhur atau mana-mana solat sunat.

Cara Kedua Disebut dengan " **أَدْنَى الْكَمَالِ** " iaitu hendaklah ditunaikan dengan dua rakaat, dengan 2 kali qiam dan dua ruku' pada tiap-tiap satu rakaat, disertai dengan bacaan al-Fatihah dan surah dalam tiap-tiap qiam itu.

Bagi kita di Malaysia ini, cara yang kedua inilah yang paling mudah dilaksanakan. Selepas takbir, dibaca doa iftitah dan Al-Fatihah. Selepas selesai al-Fatihah, dibaca surah (mana-mana surah yang mampu). Kemudian ruku' dan bangkit semula (qiam kedua). Di dalam qiam kedua ini dibaca al-Fatihah dan juga surah. Kemudian ruku' semula (dipanggil ruku' kedua). Apabila bangkit l'tidal, terus sujud sebanyak dua kali. Apabila selesai sahaja dari sujud kedua dan bangkit barulah selesai rakaat yang pertama. Begitulah caranya bagi rakaat yang kedua.

Cara Ketiga Cara yang paling sempurna. Caranya adalah sebagaimana cara yang kedua akan tetapi dalam rakaat yang pertama dan qiam yang pertama hendaklah dibaca surah Al-Baqarah ataupun mana-mana surah yang sama panjang dengannya. Di dalam rakaat pertama dalam qiam yang kedua dibaca surah Ali-Imran. Dalam rakaat yagn kedua qiam yang pertama hendaklah dibaca surah An-Nisa', dan dalam qiam yang kedua pada rakaat kedua dibaca surah Al-Maaidah.

Kemudian hendaklah bertasbih (tasbih yang sama yang dibaca di dalam ruku') yang pertama dengan kadar bacaan 100 ayat, dalam ruku' yang kedua 80 ayat, ruku' ketiga 70 ayat dan ruku' yang keempat 50 ayat.

Waktunya

Waktu bagi solat gerhana matahari dan bulan ialah bermula dari ketika berlakunya gerhana sehinggalah selesai waktu gerhana.

Tempat Solat

Solat gerhana sunat dilakukan di masjid atau surau atau mana-mana tempat yang biasa dilakukan solat berjemaah.

ATURAN SOLAT GERHANA / CARA-CARA MELAKSANAKANNYA

1. Bilal Menyeru :

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ

2. Berdiri lurus mengadap kiblat sambil membetulkan saf.

3. Berniat mengerjakan solat gerhana.

(1) Lafaz niat untuk gerhana bulan (bagi makmum).

أُصَلِّي سُنَّةَ خُسُوفِ الْقَمَرِ رَكَعَتَيْنِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

" Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat makmum kerana Allah Taala".

(2) Lafaz niat untuk gerhana matahari (bagi makmum).

أُصَلِّي سُنَّةَ كُسُوفِ الشَّمْسِ رَكَعَتَيْنِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

" Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat makmum kerana Allah Taala".

4. Selepas Takbiratul Ihram, dibaca Doa Iftitah. Kemudian dibaca Surah Al-Fatihah dan surah-surah mengikut pilihan masing-masing.
5. Ruku' serta tasbihnya dan qiam semula.
6. Baca Al-Fatihah dan surah-surah mengikut pilihan masing-masing.
7. Ruku', I'tidal kemudian sujud 2 kali (seperti biasa).
8. Kemudian qiam semula untuk mengerjakan rakaat kedua.
9. Baca Al-Fatihah dan Surah.
10. Ruku' beserta tasbihnya dan qiam semula.
11. Baca Al-Fatihah lagi dan Surah.
12. Kemudian ruku' I'tidal dan sujud 2 kali, baca tasyahud akhir dan salam.
13. Selepas itu dibacakan khutbah khas sempena gerhana. Dua kali khutbah (seperti Khutbah Hari Raya).

INGATAN

- 1) Dilaksanakan solat gerhana semasa berlaku gerhana dan sekiranya khutbah gerhana tidak dapat disudahkan dalam waktu gerhana maka tidaklah menjadi kesalahan.
- 2) Makmum yang tertinggal ruku' yang pertama samada dalam rakaat pertama atau rakaat kedua, adalah dikira tidak mendapat rakaat itu dan dia hendaklah menyempurnakan rakaat yang luput itu selepas Imam memberi salam.
- 3) Sembahyang sunat gerhana matahari, segala bacaannya dilakukan dengan suara perlahan (**بِالسِّرِّ**), manakala bagi sembahyang sunat gerhana bulan, segala bacaannya dilakukan dengan suara yang nyaring (**بِالْجَهْرِ**).
- 4) Maklumat lanjut sila rujuk kitab Sabilul Muhtadin, karangan Sheikh Mohd Arshad bin Al-Banjari, (Juz. 2 Hal. 58-60)

Disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.